

08/01/2004

Profesional unggul pentadbiran baru Pak Lah

Manja Ismail

APABILA semua akhbar arus perdana kelmarin melaporkan Datuk Seri Najib Razak akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri, tidak ramai yang terkejut kerana Naib Presiden Umno paling kanan itu memang calon paling popular untuk kerusi nombor dua dalam kerajaan sebaik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih teraju kepemimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Bagaimanapun, ramai agak terkejut apabila Perdana Menteri mengumumkan rombakan kecil Kabinetnya, yang dibuat serentak dengan pengumuman rasmi pelantikan Najib sebagai timbalannya di Putrajaya petang semalam.

Ini kerana rombakan yang membabitkan Kementerian Kewangan, Pertanian serta Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, selain pewujudan semula portfolio Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri itu menyaksikan pelantikan seorang tokoh bukan politik dan perpindahan portfolio seorang lagi Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang sebelum ini turut disebut-sebut sebagai saingan Najib untuk jawatan nombor dua dalam kerajaan.

Penasihat Khas Kewangan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dilantik sebagai Menteri Kewangan Kedua, manakala Muhyiddin yang dulunya Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kini dipindahkan ke Kementerian Pertanian.

Tempatnya digantikan oleh Datuk Dr Jamaludin Jarjis yang sebelum ini menjadi Menteri Kewangan Kedua. Datuk Seri Effendi Norwawi, yang dulunya Menteri Pertanian, kini dilantik sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Jika dilihat sekali imbas, memang pengumuman Abdullah itu agak mengejutkan sedikit terutama pelantikan Nor Mohamed dan perpindahan Muhyiddin, seorang menteri kanan yang ramai menjangka akan turut diberi portfolio penting apabila Najib menjadi Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, jika diamati dengan teliti pengumuman Abdullah itu dan mengimbas kembali beberapa langkah yang diambilnya sejak 67 hari menjadi Perdana Menteri, pelantikan itu tidak lain daripada usaha untuk memastikan pelaksanaan dasar yang diberi keutamaan oleh beliau, berjalan lancar.

Walaupun mereka yang mengharapkan Muhyiddin menjadi Timbalan Perdana Menteri mungkin kecewa sedikit dengan pengumuman itu, perpindahannya ke Kementerian Pertanian sebenarnya mencerminkan kesungguhan Abdullah untuk menjadikan bidang pertanian, yang sehingga beberapa tahun lalu agak terabai, menjadi satu komponen penting dalam dasar ekonomi negara.

Seperti penjelasan Abdullah sendiri dalam sidang akhbar semalam, Kementerian Pertanian akan memainkan peranan utama dalam pembangunan dan usaha memodenkan sektor pertanian negara di samping bertanggungjawab untuk menggalakkan program berkaitan dengan mewujudkan industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian.

"Dengan itu, saya fikir adalah baik sekiranya Kementerian Pertanian diberi kepada seorang menteri kanan," katanya.

Pelantikan seorang menteri kanan ke portfolio pertanian sebenarnya bukan perkara baru. Kementerian itu pernah diterajui oleh Tan Sri Sanusi Junid sewaktu beliau menjadi Naib Presiden Umno.

Berdasarkan pengalaman luas Muhyiddin serta rekod perkhidmatannya di beberapa kementerian sebelum ini, ditambah dengan pembaharuan yang sudah dilakukan oleh Effendi ketika memegang portfolio itu, Perdana Menteri tentu menaruh harapan besar kepada masa depan sektor pertanian negara.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, ketika mengulas rombakan Kabinet semalam berkata, pelantikan seorang menteri kanan menunjukkan Perdana Menteri mengambil berat nasib petani, peladang dan nelayan serta menaruh keyakinan bahawa bidang pertanian mampu memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara.

"Saya yakin berdasarkan rekod cemerlangnya, Muhyiddin akan melakukan banyak perubahan ke arah meningkatkan kualiti dan pendapatan golongan sasaran," katanya.

Pelantikan Nor Mohamed, bukan seorang ahli politik, sebagai Menteri Kewangan Kedua juga bukanlah sesuatu yang baru. Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad adalah profesional dalam bidang pendidikan dan bukan ahli politik ketika dilantik menyertai Kabinet Dr Mahathir dulu.

Penyertaan tokoh-tokoh profesional dan bukan dari kalangan ahli politik dalam Kabinet sebenarnya sudah lama menjadi amalan di kebanyakan negara maju. Pentadbiran Rumah Putih adalah contoh paling jelas di mana kebanyakan setiausaha (menteri) adalah di kalangan profesional di bidang masing-masing yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar-dasar Presiden.

Justeru, pelantikan Nor Mohamed, yang pengalaman dan kepakarannya dalam bidang kewangan diakui termasuk di luar negara, akan membantu Abdullah melaksanakan dasar untuk menjana ekonomi negara, yang baru pulih daripada krisis kewangan.

Yang pasti pengumuman pelantikan penasihat khas kewangan Perdana Menteri itu ke dalam Kabinet semalam sudah memberi impak awal kepada sektor kewangan apabila indeks komposit di Malaysia Securities Exchange Bhd (MSEB) melonjak 14.72 mata sepanjang satu jam terakhir dagangan semalam untuk ditutup pada 805.76 mata.

Pasaran yang kelihatan tidak begitu aktif pada separuh hari dagangan dengan hanya mencatat peningkatan 3.75 mata kepada 791.04 mata sehingga jam 4 petang semalam, meningkat mendadak selepas berita pelantikan itu.

Penganalisis Ekonomi dan Teknikal Pasaran Welloff Sdn Bhd, Kamarulzaidi Kamis, berkata pelantikan Najib yang sememangnya sudah dijangkakan dan pelantikan Nor Mohamed yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang ekonomi, pasaran modal dan pasaran antarabangsa memberi kesan positif kepada pasaran

"Nor Mohamed yang mempunyai kepakaran dan pengalaman luas dalam pasaran modal dan ekonomi dijangka mampu membantu Malaysia menghasilkan dasar kewangan dan ekonomi lebih mantap dan cemerlang," katanya.

Keyakinan itu turut dikongsi oleh Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia, Dr Rozali Mohamed Ali, yang percaya pelantikan Nor Mohamed sebagai Menteri Kewangan Kedua akan memberikan petunjuk kepada sektor perbankan tempatan meningkatkan kemajuan dalam menghadapi era globalisasi yang semakin mencabar.

Katanya, Nor Mohamed mempunyai pengalaman yang luas dalam membangunkan sistem perbankan Islam di negara ini dan banyak terbabit dalam menyelaras inisiatif ke arah pembangunan perbankan Islam antara negara.

"Beliau juga seorang ahli bank pusat yang sejati dan mempunyai banyak pengalaman dalam mengurus krisis kewangan," katanya.

Perpindahan Effendi, yang berpengalaman luas dalam bidang korporat dan menukar wajah Kementerian Pertanian ke portfolio baru di Jabatan Perdana Menteri akan membantu Abdullah melaksanakan satu lagi langkah yang menjadi keutamaannya - memastikan sistem penyampaian awam yang lebih baik.

Sebagai bekas tokoh korporat yang kemudiannya berpindah ke sektor awam, Effendi pasti tentu dapat membezakan budaya kerja antara kedua-dua sektor itu. Malah, antara rungutan beliau ketika pada peringkat awal memperkenalkan budaya korporat di Kementerian Pertanian ialah sikap kebanyakan pegawai. Dengan portfolio barunya itu, beliau berpeluang

menerapkan budaya baru yang diperkenalkan di Kementerian Pertanian kepada beberapa agensi lain di bawah kuasanya nanti, terutama membabitkan penyampaian awam.

Bagi Dr Jamaludin, perpindahannya ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah satu peluang kepada beliau untuk pertama kali menerajui sebuah kementerian. Jika ketika menjadi Menteri Kewangan Kedua sebelum ini, beliau terpaksa merujuk kepada Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri jika ingin memperkenalkan sesuatu dasar, kali ini beliau hanya perlu merujuk terus kepada Kabinet.

Jamaludin turut mempunyai tanggungjawab yang berat di kementerian itu. Selain mengekalkan rekod Muhyiddin di kementerian itu, beliau harus memastikan usaha menghapuskan masalah cetak rompak dan mengekang kadar inflasi sekarang mencapai matlamatnya.

Dalam analisis akhir, rombakan Kabinet yang diumumkan Abdullah semalam boleh dianggap sebagai persiapan Barisan Nasional (BN) dan Umno untuk menghadapi pilihan raya umum dengan penuh keyakinan.

Walaupun dalam sidang akhbaranya semalam, Perdana Menteri cuba mengelak ketika ditanya sama ada rombakan itu ada kaitan dengan pilihan raya, beliau mengaku rombakan itu, khususnya pelantikan Najib, memberi impak terhadap Umno.

"Saya fikir ia memberi impak yang baik. Beliau adalah Naib Presiden nombor satu. Tiada masalah," kata Abdullah.

Pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri bukan saja dapat menamatkan pelbagai spekulasi sejak beberapa bulan lalu, tetapi membolehkan pemimpin dan ahli parti memberi tumpuan sepenuhnya kepada persiapan menghadapi pilihan raya umum. Dengan memilih Najib, Naib Presiden paling kanan dan mempunyai sokongan akar umbi yang kuat, Abdullah mengekalkan perpaduan dan kestabilan parti.

Hakikat ini diakui sendiri oleh Muhyiddin apabila semalam menegaskan, beliau akur dengan percaturan politik semasa dan akan memberi sokongan penuh kepada Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri.